

25 MAY 2002

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA GUYANA

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Guyana Bharrat Jagdeo sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-36 republik itu.

"Sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-36 Republik Guyana, beta dan Raja Permaisuri Agong menyampaikan ucap selamat dan tahniah kepada Tuan Yang Terutama," titah Yang di-Pertuan Agong dalam perutusan Seri Paduka yang dikeluarkan oleh Wisma Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Samuel Hinds pula melahirkan keyakinan bahawa Guyana dan rakyat negara itu akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran di bawah pimpinan Hinds.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Rudy Insanally, berkata beliau berharap dapat bekerjasama rapat dengan beliau bagi memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AT RV RHM